

# 1001 MASALAH

ABU AL-MUKHTAR SEDIA MENJAWAB



Sulaiman bin Ali Bachok Kelantan bertanya:

“Saya ada mempunyai seorang anak perempuan berumur lebih kurang tiga tahun dari isteri yang telah saya ceraikan. Anak itu sekarang ada di dalam pemeliharaan bekas isteri saya itu. Bolehkah anak itu saya ambil?”

## Jawab

Jawapan yang akan saya berikan kepada saudara di bawah ini adalah jawapan yang berdasarkan undang-undang Islam yang berpandu dengan beberapa hadith Nabi. (Bukan berdasarkan undang-undang negeri). Oleh itu kalau saudara telah mengadukan hal di atas kepada mahkamah dalam negeri saudara, kemudian mahkamah telah menjatuhkan hukuman selain daripada jawapan yang akan saya berikan di bawah ini, maka sudah terang hukuman itu tidak berdasarkan hukuman agama Islam.

Tentang hak memelihara anak itu, di dalam kitab-kitab hadith ada didapati beberapa hadith dan riwayat yang menerangkan tentang soal ini, tetapi di dalam empat keterangan hadith yang akan saya nyatakan di bawah ini ada diterangkan hukum tersebut satu persatu dengan jelas.

## Hadith yang pertama:

**Qāla ‘Abd Allāh ibn ‘Umar: An amra’atu**

**qālat: “Yā Rasūlullāh inna ibnī hadhā kāna baṭnī lahu wi’ā’an wahijrī lahu hiwā’an wa thadyī lahu siqā’an waza’ama abūhu annahu yanzi’ uhu minnī faqāla: anta aḥaqqu bihi mālam tankihī”** (Hadith Ṣaḥīḥ Riwayat Abū Dāwūd dan Al-Ḥākim) Maksudnya: (Telah berkata ‘Abd Allāh ibn ‘Amrū: Bahawasanya seseorang perempuan berkata: Ya Rasulullah! Bahawasanya anak saya ini, perut saya jadi kandungannya, dan pangkuan saya tempat tidurnya, dan susu saya tempat minumnya, tetapi bapanya hendak mengambilnya dari pemeliharaan saya, maka sabda Rasulullah: Engkaulah lebih patut memeliharanya sebelum engkau berkahwin.”

## Hadith yang kedua:

**Qāla al-Bara’ bin ‘Ārib’: Annā abnata Ḥamzah ‘ikhtaṣim fiḥā ‘Ālī wa Ja’far wa Zayd. Faqāla ‘Ālī: Anā aḥaqqu bihā hiya abnātu ammī wa qāla Ja’far bintu ‘ummi wakhālatuhā taḥtī wa qāla Zayd: Abnātu akhī. Faqadhā bihā Rasūlullāh (S.A.W) liḥālātihā. wa qāla: al-khālatu bimanzilah al-‘ummi.<sup>2</sup>** (Hadith Ṣaḥīḥ Riwayah Al-Bukhārī dan Muslim). Maksudnya: (Telah berkata al-Bara’ ibn ‘Āzib: Bahawasanya ‘Alī, Ja’far dan Zayd telah berebut-rebut (hendak memelihara) seorang anak perempuan bagi Hamzah. ‘Alī berkata: Aku lebih berhak memeliharanya kerana dia itu anak perempuan kepada ayah saudaraku. Dan berkata Ja’far: Dia itu anak

<sup>1</sup> ejaan sebenarnya ‘Āzib: Al-Bara’ ibn ‘Āzib

<sup>2</sup> tidak dijumpai hadis yang serupa, hanya yang mirip sahaja. Lihat (1) <http://hdith.com/?s=%D9%82%D8%A7%D9%84+%D8%A7%D9%84%D8%A8%D8%B1%D8%A7%D8%A1+%D8%A8%D9%86+%D8%B9%D8%A7%D8%B1%D8%A8+%D8%A7%D9%86+%D8%A7%D8%A8%D9%86%D8%A9+%D8%AD%D9%85%D8%B2%D8%A9+%D8%A7%D8%AE%D8%AA%D8%B5%D9%85+%D9%81%D9%8A%D9%87%D8%A7+%D8%B9%D9%84%D9%89+%D9%88+%D8%AC%D8%B9%D9%81%D8%B1> (2) <http://sunnah.com/search/%D8%A3%D9%86%D8%A7-%D8%A3%D8%AD%D9%82-%D8%A8%D9%87%D8%A7> (3) [http://efiles.mediu.edu.my/MyE-Books/HTML/%D8%A7%D9%84%D8%AD%D8%AF%D9%8A%D8%AB\\_%D8%AE%D8%A7%D8%B5\\_\(4\)\\_%D8%B34\\_%D9%811\\_26-12-2010\\_387.html](http://efiles.mediu.edu.my/MyE-Books/HTML/%D8%A7%D9%84%D8%AD%D8%AF%D9%8A%D8%AB_%D8%AE%D8%A7%D8%B5_(4)_%D8%B34_%D9%811_26-12-2010_387.html)

kepada ayah saudaraku dan ibu saudaranya (sebelah ibu) menjadi isteriku. Dan berkata pula Zayd: Dia itu anak perempuan kepada saudara lelaki (anak saudara). Maka Rasulullah (S.A.W) menghukumkan anak, itu (hendaklah dipelihara) oleh ibu saudaranya (sebelah ibu), sambil Baginda bersabda: Ibu saudara (sebelah ibu) itu adalah sedarjah dengan ibu).

## Hadith yang Ketiga:

**Qāla Abū Hurayrah: Anna al-Nabī ṣalla**

**Allāh ‘alayhi wa salām khayyara ghuḥūman bayna abīhi wa ‘ummihi.** (Hadith Riwayat Aḥmad dan Al-Tarmidhī). Maksudnya: (Telah berkata Abū Hurayrah: Bahawasanya Nabi (S.A.W) pernah memutuskan supaya seorang anak (yang telah *mumaiyiz*) memilih di antara bapa dan ibunya).

## Hadith yang Keempat:

**Qāla ‘Abd al-Ḥamīd ibn Ja’far: Anni jaddī aslama wa abtī amra’atu an tuslima, fajā’ a abnu<sup>3</sup> lahu ṣaghīru lam yablughī, faajlisa al-nabī ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam**

**al-abbu hāhunā wa al-ummu hāhunā thumma khayrahu**

**wa qāla : Allāhumma ahdihi fadhhabu ilā abīhi. (Hadith Riwayat Aḥmad**

**wa al-Nasā’ī).** Maksudnya: (Telah berkata ‘Abd al-Ḥamīd ibn Ja’far: Sesungguhnya

datuk saya telah masuk Islam, tetapi isterinya enggan masuk Islam, maka ia membawa seorang anaknya yang belum baligh, maka Rasulullah mendudukkan ayahnya di situ dan ibunya di sini. Lalu Rasulullah (S.A.W) menyuruh anak itu memilih (di antara keduanya) sambil ia berdoa: “Wahai Tuhanku!

Tunjukkanlah jalan baginya” maka anak itu pergi mendapatkan bapanya).

<sup>3</sup> ejaan pada teks asal باین tetapi rujukan menunjukkan abnu

## Keterangan

Dari hadith yang pertama kita mendapat kesimpulan bahawa ibu itu lebih berhak daripada bapa untuk memelihara anak kecil (yang belum *mumaiyiz*) selama si ibu itu belum bersuami baru.

Dari hadith yang kedua pula menunjukkan bahawa saudara kepada ibu itu berhak menggantikan tempat ibu. Yakni seorang anak yang kematian ibu itu, lebih berhak ia dipelihara oleh saudara perempuan ibunya (ibu saudara sebelah ibu) bukan kepada bapanya atau ahli waris yang lain.

Di sini tentu timbul suatu pertanyaan: Mengapakah di dalam hadith yang kedua ini menerangkan bahawa anak Hamzah itu diserahkan kepada ibu saudaranya sebelah ibu yang ada mempunyai suami (isteri Ja'far). Padahal menurut keterangan hadith yang pertama bahawa seorang ibu (atau saudara perempuan ibu) lebih berhak memelihara anak (atau saudaranya) itu selama ia belum berkahwin?

**Jawabnya:** Menurut kebiasaan tabiat seorang lelaki itu tidak berapa suka kepada anak tiri. Begitu pula sebaliknya seorang perempuan itu selalu benci kepada anak tirinya. Dan juga kadang-kadang kedatangan seorang suami itu merasa keberatan untuk mengikut perbelanjaan sara hidup anak tirinya.

Oleh sebab itulah maka Rasul Allah menggururkan hak seorang ibu memelihara anak suami yang telah bercerai dengannya apabila ia telah

bersuami baru. Tetapi hak itu akan tetap kekal menjadi hak ibu (atau saudara ibu) kalau suaminya yang baru itu suka dan reda memelihara dan menanggung sara hidup anak tirinya itu, sebagaimana ternyata di dalam keterangan hadith yang kedua.

Hadith yang ketiga pula menerangkan bahawa anak yang sudah besar (*mumaiyiz*) itu - walaupun ia belum baligh - disuruh ia memilih di antara ibu dan bapanya. Setiap yang dipilihnya berhaklah orang itu memeliharanya. Tegasnya kalau ia memilih bapa, maka bapalah yang berhak memeliharanya. Sebaliknya kalau ia memilih ibu maka ibulah yang berhak memeliharanya.

Adapun hadith yang keempat sama maksudnya dengan hadith yang ketiga. Cuma, sayugia diingat hadith yang keempat ini ditolak oleh ulama lantaran tidak sah riwayatnya, dan juga, tidak berhak seorang anak itu diserahkan kepada seorang ibu yang bukan Islam, yang mana sudah tentu si anak itu kelak akan mengikuti agama yang dianuti oleh ibunya. (Sekalipun di dalam hadith tersebut si anak telah memilih bapanya, bukan ibunya).

Menurut keterangan-keterangan yang kita dapati dari beberapa hadith yang telah kita bentangkan di atas maka ternyata bahawa anak perempuan saudara itu lebih berhak dipelihara oleh ibunya - menurut hukum undang-undang Islam. Kecuali kalau saudara mengadakan suatu perjanjian reda meredai dengan bekas isteri saudara itu untuk sama-sama memeliharanya.

## Kata-Kata Hikmah

Sesiapa yang menghiasi dirinya dengan sifat malu, nescaya kebaikan dirinya tidak akan dapat dilihat oleh orang lain - ('Alī bin Abī Tālib)

\* \* \*

Keberanian itu bukanlah suci hati daripada perasaan takut, tetapi keberanian yang sebenarnya ialah kekuasaan yang boleh mengatasi perasaan takut - (John Bunnell).

\* \* \*

Kiranya kita tidak sempat memetik atau merasa hasil natijah perjuangan di zaman kita, maka janganlah kita menyesal, kerana sekurang-kurangnya kita telah meletakkan batu asas untuk perjuangan generasi yang akan datang - (Mustafa Kamil).

\* \* \*

Allah telah menjadikan malaikat dengan tidak bersyahwat dan tidak berakal, Allah telah menjadikan binatang dengan tidak berakal tetapi bersyahwat, Allah telah menjadikan manusia dengan berakal dan bersyahwat, manakala syahwat seseorang manusia itu dapat menguasai akalannya, maka jadilah ia sebagai seekor binatang. Tetapi manakala akal seseorang manusia itu dapat menguasai syahwatnya, maka jadilah ia sebagai seorang malaikat. - (Alim Azhari)

\* \* \*

Sukahkah aku perengarkan kepada kamu satu suara yang lebih kuat daripada gema suara meriam? Itulah suara "pekikan merdeka" yang dilaungkan dari hati satu-satu umat yang ingin hidup di dalam dunia bebas. - (George Washington)